

Pengusaha mungkir janji: PM

16 NOV 1991

LANGKAWI, Jumaat — Perdana Menteri kesal dengan sikap pengusaha hotel yang mungkir janji untuk menyediakan bilik mencukupi kepada peserta Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) kerana memberikannya kepada orang lain semata-mata menerima tawaran lebih tinggi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengusaha hotel yang ditempah sepatutnya tidak patut mungkir janji semata-mata mendapat tawaran lebih tinggi kerana setnua bilik sudah ditempah.

"Kita sudah mengira bilik yang ada, tiba-tiba

kita dapat tahu bilik yang sudah ditempah tidak adalagi. Saya tidak peduli apa yang dia (pengusaha hotel) kata kerana apabila dia berjanji, dia patut tunaikannya," katanya.

Menurutnya, penganjur Lima sudah lama membuat tempahan, iaitu sebelum pameran itu diadakan tetapi pengusaha hotel menyatakan semua bilik sudah diikhaskan untuk pelancong.

Sehubungan itu, menurutnya, pengusaha hotel hanya boleh menyediakan beberapa bilik kepada peserta Lima dan keadaan itu diterima oleh penganjur Lima

berdasarkan prinsip bahawa bilik yang sudah ditempah memang tidak boleh diberikan kepada orang lain. .

"Tetapi malangnya, ada pengusaha hotel yang menjual bilik (yang sudah ditempah oleh penganjur Lima) kepada orang lain. Cara berniaga seperti ini akan merugikan kerana sepatutnya kita tidak boleh metingan-ringankan janji.

"Jika kita mungkir janji, lain kali orang tidak percayakan kita lagi. Perniagaan kita akan merosot," ujarnya.

Mengenai dakwaan pengusaha hotel bahawa ejen penganjur tidak

membuat pembayaran, Perdana Menteri berkata, beliau sudah mendapatkan penjelasan berhubung perkara itu daripada ejen berkenaan. Trans Malaysia Tours & Agency Sdn Bhd.

Ejen itu berkata mereka ada menjemput pihak hotel untuk bermesyuarat bagi menentukan cara pembayaran tetapi ada yang tidak mahu hadir. Saya tidak tahu pula mengenai janji tetapi jika hendak menetapkan syarat supaya membayar dahulu, tentulah ada masalah.

"Apabila seseorang membuat tempahan, kita mesti terima syarat tempahan," katanya.